

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (Jadual Kedua)

## Projek Melombong Biji Timah ML 1/2019 di Atas

Lot 61034 Berkeluasan 55.14 Hektar di Kawasan Ban Ho, Mukim Bandi, Daerah Kemaman, Terengganu

### DBS Resources Sdn Bhd

Lot PT 18345, Bengkel Teres 1 1/2,  
Kilang Jakar 3, Fasa 2,  
24000 Kemaman,  
Terengganu.  
Tel: 09-8684412  
Fax: 09-8684427  
Email: dbsresourceb@gmail.com



Penggerak Projek

### Perunding EIA



### O&E Technologies Sdn Bhd

Unit 13 Tingkat 3, Dataran Panji  
Jalan Panji Alam,  
21100 Kuala Terengganu,  
Terengganu.  
Tel: 09-6285391  
Fax: 09-6285399  
Email: enquiry@oetech.my

## PENGENALAN

● Tapak projek ini terletak di dalam hutan sekunder dengan keluasan 55.14 Ha (136.25 ekar)

● Aktiviti ditetapkan bagi Projek ini adalah:

*“Aktiviti 8 (b) – Perlombongan bahan galian di dalam atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar”*

● Tapak projek ini terletak di Kawasan Ban Ho (Lot 61034), Mukim Bandi, Kemaman, Terengganu

● Projek ini terletak 200-meter dari sempadan Hutan Simpan Bukit Bandi dan 3.5 km dari sempadan Hutan Simpan Cerul

## KEPERLUAN PROJEK



### Permintaan Tinggi

Untuk memenuhi permintaan di dalam industri perlombongan dan menjadikannya sebagai sumber pendapatan



### Teknologi Maju

Mengaplikasikan teknologi yang maju dan terkini untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar



### Perkembangan Ekonomi


Merencanakan ekonomi negara Malaysia



### Pekerjaan

Dianggarkan dapat membuka 99% peluang pekerjaan kepada penduduk setempat

## TAPAK PROJEK



# RINGKASAN EKSEKUTIF

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (Jadual Kedua)

## Projek Melombong Bijih Timah ML 1/2019 di Atas

Lot 61034 Berkeluasan 55.14 Hektar di Kawasan Ban Ho, Mukim Bandi, Daerah Kemaman, Terengganu


### KONSEP PROJEK



Tapak perlombongan yang dicadangkan adalah zon yang berpotensi bijih timah aktif yang terdiri daripada kasiterit SnO<sub>2</sub>



Kawasan perlombongan akan dibahagikan kepada 3 fasa (7 blok)



| Fasa          | Blok     | Kawasan (Hektar) | Anggaran Pengeluaran Bijih Timah (Tan Sn) | Jangka Hayat Operasi Lombong (Tahun) |
|---------------|----------|------------------|---|--------------------------------------|
| 1             | 1 & 2    | 14.44            | 54.42                                     | 2.5                                  |
| 2             | 3 & 4    | 18.10            | 69.69                                     | 3.1                                  |
| 3             | 5, 6 & 7 | 22.60            | 87.02                                     | 3.4                                  |
| <b>Jumlah</b> |          | 55.14            | 211.13                                    | 9.4 ≈ 10                             |

### PENETAPAN KAWASAN

RTD 2011-2020: BPK 11.2- Bandi/Tebak

Zon: Hutan Darat

RFN-3, 2015: Projek terletak di dalam KSAS Tahap 3

Kriteria Pengurusan - Pembangunan terkawal di mana jenis dan intensiti pembangunan perlu tertakluk kepada ciri-ciri halangan

### AKTIVITI PROJEK

Peringkat

Pra-Pembangunan



Menjalankan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar, Kajian Topografi, Pemantauan Asas/Permulaan dan lain-lain

Pembangunan



- Penandaan sempadan tapak projek
- Pengangkutan tenaga kerja, peralatan dan bekalan ke tapak projek
- Pembukaan tanah dan penyediaan simpanan sisa biomas (hanya melibatkan pokok kecil dan semak-samun)
- Pemasangan dan penyelenggaraan LD-P2M2
- Pembinaan jalan, kawasan kerja dan sistem saliran

Operasi



- Plan Skim Perlombongan
- Penggalian bahan mineral
- Peroses perolehan bijih timah (*shaking table*)
- Penyediaan kolam lombong (*tailing pond*) dan kolam perangkap

Pasca Pembangunan



- Pemulihan
- Penanaman tanaman penutup bumi
- Penyelenggaraan kawasan perlombongan

### Cadangan Aktiviti Projek

# RINGKASAN EKSEKUTIF


Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (Jadual Kedua)

**Projek Melombong Bijih Timah ML 1/2019 di Atas**

**Lot 61034 Berkeluasan 55.14 Hektar di Kawasan Ban Ho, Mukim Bandi, Daerah Kemaman, Terengganu**

## AKTIVITI PROJEK

### Plan Skim Perlombongan



### Carta Aliran Proses Perlombongan Bijih Timah (Tanah-200t/hari)



# RINGKASAN EKSEKUTIF

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (Jadual Kedua)

## Projek Melombong Bijih Timah ML 1/2019 di Atas

Lot 61034 Berkeluasan 55.14 Hektar di Kawasan Ban Ho, Mukim Bandi, Daerah Kemaman, Terengganu

### KEADAAN ALAM SEKITAR SEDIA ADA



## 01

### TOPOGRAFI

Kawasan sederhana sehingga berbukit  
Ketinggian: 21m -104m



## 02

### GEOLOGI & TANAH

Batu *Metamorphic*: Tanah *Quaternary-Marine*: Tanah liat, Kelodak, Pasir kasar beserta kerikil kecil



## 03

### BANJIR

Peta Banjir JPS (2014)  
– Tapak projek tidak berada di kawasan banjir



## 04

### GUNAKANAH

|                             |  |
|-----------------------------|--|
| <b>Penempatan:</b>          | Kg. Ban Ho (1-2km), Felda Cherul (3-4km)                       |
| <b>Pertanian / Ternakan</b> | Ladang Kelapa Sawit (1-5km), Sangkar Pertenakan Ikan (0-1km)   |
| <b>Sungai:</b>              | Sg. Simpang (0-1km), Sg.Cerul (1-5km)                          |
| <b>Hutan Simpan:</b>        | Hutan Simpan Bukit Bandi (0-5km)<br>Hutan Simpan Cerul (4-5km) |



## 05

### HIDROLOGI

Kawasan Tadahan: Lembah Sg. Cerul yang terdiri daripada lapan (8) anak sungai: Sg. Burung, Sg. Simpang, Sg. Mengkuang (besar), Sg. Putih (besar), Sg. Lawang, Sg. Jabur, Sg. Pinang Ulu dan Sg. Paluh Jenang



## 06

### LALU LINTAS

Jalan yang boleh diakses ke tapak projek:  
Jalan Bukit Cerol-Bukit Sagu (Laluan 2687)  
Jalan Jerangau-Jabor Penghantar 1  
GPS titik akses: 4°08'19.1"N ; 103°10'26.3"E

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (Jadual Kedua)

## Projek Melombong Bijih Timah ML 1/2019 di Atas

Lot 61034 Berkeluasan 55.14 Hektar di Kawasan Ban Ho, Mukim Bandi, Daerah Kemaman, Terengganu

### KEADAAN ALAM SEKITAR SEDIA ADA



07

#### SOSIO EKONOMI

- Jabatan Perangkaan Malaysia: Penduduk di Mukim Bandi - 10,471 orang.
- Ekonomi sosial masyarakat berhampiran: perladangan, aktiviti perlombongan, aktiviti pertanian dan penternakan.



08

#### AIR BAWAH TANAH

- Tiada penggunaan air bawah tanah di sekitar tapak projek.
- Sumber air utama – Syarikat Air Terengganu (SATU).



09

#### EKOLOGI

- Terdapat Hutan Simpan dikategorikan KSAS Tahap 3 berdekatan dengan tapak projek – HS Bukit Bandi dan HS Cerul.
- Terdapat ekologi sistem yang merangkumi flora & fauna di Kawasan projek.

10

#### PEMANTAUAN ASAS ALAM SEKITAR

|                         |   |
|-------------------------|---|
| <b>Kualiti Air:</b>     | Tujuh (7) lokasi persampelan air telah diambil untuk dianalisis bagi 34 parameter. Semua sampel yang dianalisis diklasifikasikan sebagai Kelas II (Bersih) kecuali untuk W1 yang dikategorikan Kelas III (Sedikit tercemar) berdasarkan WQI |
| <b>Kualiti Udara:</b>   | Tiga (3) lokasi persampelan udara telah diambil untuk dianalisis bagi parameter PM2.5, PM10 dan CO. Semua bacaan sampel adalah dibawah had yang ditetapkan kecuali parameter PM2.5 untuk A3 disebabkan oleh asap dari kenderaan awam        |
| <b>Bunyi Bising:</b>    | Tiga (3) lokasi persampelan udara telah diambil bagi parameter LAeq, LAmin, LAmaz, L90 dan L10. Semua bacaan sampel adalah dibawah had yang ditetapkan di dalam Annex A, Jadual 1   |
| <b>Air Bawah Tanah:</b> | Tiga (3) lokasi persampelan udara telah diambil di kawasan tapak projek dan kampung terdekat  |



11

#### CENTRAL FOREST SPINE (CFS)



Merujuk kepada Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, tapak projek ini terletak di antara koridor CFS. CFS yang terdekat (SL4) terletak kira-kira 53 km ke utara tapak projek


# RINGKASAN EKSEKUTIF

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (Jadual Kedua)

**Projek Melombong Biji Timah ML 1/2019 di Atas**

**Lot 61034 Berkeluasan 55.14 Hektar di Kawasan Ban Ho, Mukim Bandi, Daerah Kemaman, Terengganu**

## LOKASI PEMANTAUAN ALAM SEKITAR



### PANDUAN PIAWAIAN PEMANTAUAN ALAM SEKITAR

|                         |   |
|-------------------------|---|
| <b>Kualiti Air:</b>     | National Water Quality Standards (NWQS)   |
| <b>Kualiti Udara:</b>   | New Malaysian Ambient Air Quality Standard 2020 (NMAAQS)                                      |
| <b>Bunyi Bising:</b>    | Guidelines for Environmental Noise Limits and Control, Third Edition, 2019                    |
| <b>Air Bawah Tanah:</b> | National Standards for Drinking Water Quality (NSDWQ)<br>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) |


# RINGKASAN EKSEKUTIF

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (Jadual Kedua)

## Projek Melombong Bijih Timah ML 1/2019 di Atas

Lot 61034 Berkeluasan 55.14 Hektar di Kawasan Ban Ho, Mukim Bandi, Daerah Kemaman, Terengganu

### GUNA TANAH (5 KM)



## PENILAIAN KESAN

### PERINGKAT PEMBANGUNAN

### PERINGKAT OPERASI


#### 01 HAKISAN TANAH

Gangguan tanah dan hakisan yang disebabkan oleh aktiviti pembukaan tanah dan kawasan kerja



Berlakunya hakisan dan tanah runtuh disebabkan oleh penggalian sumber mineral (perlombongan), yang seterusnya boleh menyebabkan kesan mendapan di kawasan hilir

- Pencemaran air di badan-badan air berhampiran disebabkan air larian permukaan yang berpotensi tercemar.
- Kekerouhan yang tinggi di dalam badan air berhampiran disebabkan oleh mendapan tanah dan pepejal terampai yang disebabkan oleh aktiviti pembukaan tanah.



#### KUALITI AIR

- Kemungkinan air buangan lombong melimpah ke sungai berdekatan semasa musim tengkujuh.
- Peningkatan tahap pepejal terampai (TSS) dan pemendapan di badan air berdekatan kerana air larian permukaan dari kawasan terdedah dan kawasan simpanan di tapak Projek.

02

#### 03 HIDROLOGI

- Menyebabkan perubahan aliran air.
- Senario terburuk, kemungkinan kejadian banjir berlaku kerana limpahan kolam perangkap mendap terutama pada musim tengkujuh.



Senario terburuk, kemungkinan kejadian banjir berlaku kerana limpahan kolam lombong terutama pada musim tengkujuh.

- Pelepasan asap ekzos dan penghasilan habuk dari pergerakan kenderaan pembinaan di dalam tapak Projek.
- Penghasilan habuk yang disebabkan aktiviti pembukaan tanah dan kerja-kerja pembinaan.



#### KUALITI UDARA

- Pelepasan asap ekzos dan penghasilan habuk dari pergerakan kenderaan berat di dalam tapak Projek.
- Penghasilan asap ekzos dari mesin dan peralatan untuk operasi perlombongan.

04

#### 05 BUNYI BISING

Penghasilan bunyi bising dari mesin dan pergerakan kenderaan pembinaan di dalam tapak Projek.



Penghasilan bunyi bising dari aktiviti perlombongan seperti mesin operasi dan pergerakan kenderaan berat semasa pengangkutan bijih timah.

- Penjanaan sisa biomass semasa aktiviti pembukaan tanah.
- Penjanaan sisa kumbahan dan pembuangan sampah oleh pekerja.
- Penjanaan sisa buangan terjadual yang sedikit (SW305, SW306, SW409 and SW410) daripada kerja-kerja tanah.



#### PENJANAAN SISA BUANGAN

- Penjanaan sisa kumbahan, sisa sekerap dan pembuangan sampah dari kawasan kerja.
- Penjanaan sisa buangan terjadual yang sedikit (minyak terpakai) dari bengkel dan Kawasan kerja.

06

SAMBUNG DISEBELAH


## PENILAIAN KESAN

### PERINGKAT PEMBANGUNAN

### PERINGKAT OPERASI

#### 07 LALU LINTAS

Kemungkinan timbul isu keselamatan jalan raya dan penghasilan habuk semasa pengangkutan barang-barang pembinaan.



Kemungkinan timbul isu keselamatan jalan raya dan penghasilan habuk semasa pengangkutan bijih timah.

- Menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan.
- Menimbulkan pencemaran bunyi yang disebabkan oleh mesin dan pergerakan lori.
- Risiko keselamatan jalan raya kerana peningkatan jumlah kenderaan lalu lintas.



#### 08 SOSIO EKONOMI

- Menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan.
- Menimbulkan pencemaran bunyi kepada komuniti disebabkan oleh mesin dan pergerakan lori.

#### 09 KESELAMATAN & KESIHATAN

- Risiko keselamatan pekerja semasa mengendalikan mesin dan jentera berat.



- Pengendalian mesin berat dan peralatan operasi yang tidak betul boleh menyebabkan kecederaan kepada pekerja.
- Timbunan pasir (bahan mentah/sisa pasir) boleh membayakan pekerja sekiranya tanah runtuh.
- Kolam lombong boleh mendatangkan bahaya kepada orang ramai (kejadian lemas).

- Potensi kehilangan habitat dan populasi flora dan fauna kerana pembukaan tanah dan pembangunan projek ini.



#### 10 BIOLOGI (FLORA & FAUNA)

- Kolam lombong boleh mendatangkan bahaya kepada hidupan liar (kejadian lemas).

### PERINGKAT PEMULIHAN

|                                  |  |
|----------------------------------|--|
| <b>Hakisan Tanah</b>             | Berkemungkinan hakisan dan tanah runtuh disebabkan oleh kerja-kerja meratakan tanah terhadap kawasan penggalian dan kolam lombong yang digunakan semasa kerja pemulihan.   |
| <b>Kualiti Air</b>               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemungkinan tanah terhakis dan mendap ke dalam sungai terdekat.</li> <li>• Kemungkinan terjadi <i>acid mine drainage (AMD)</i>, yang boleh mencemarkan air sungai yang berdekatan.</li> </ul> |
| <b>Kualiti Udara</b>             | Penghasilan habuk disebabkan oleh tanah kosong yang terdedah dan tidak digunakan lagi.   |
| <b>Keselamatan dan Kesihatan</b> | Kolam lombong terpakai boleh mendatangkan bahaya kepada orang ramai dan hidupan liar terutamanya kejadian lemas.   |

## LANGKAH KAWALAN



### HAKISAN TANAH

#### Peringkat Pembangunan

- Pelan Konsep LD-P2M2 perlu disediakan mengikut fasa-fasa pembangunan.
- Menyediakan pelan susun atur selepas tamat aktiviti perlombongan seperti tempat simpanan untuk lebih barang pembinaan, lokasi kolam dan pembentukan lereng, serta tahap ketinggian bagi bekas Kawasan lombong.
- Semua cadangan bagi komponen BMP's seperti perangkap kelodak, perangkap lumpur, longkang bumi mestilah dipasangkan dahulu di Kawasan bersesuaian sebelum pelaksanaan Projek.
- Melaksanakan perlindungan cerun simpanan stok.

#### Peringkat Operasi

- Menyediakan sistem saliran untuk mengalirkan kelodak dan bahan buangan dari Kawasan proses perlombongan ke kolam takungan.
- Menstabilkan tapak dengan menubuhkan gred tanah dan kontur serta penyelenggaraan tanaman penutup bumi yang tetap perlu dijalankan.

#### Peringkat Pemulihan

- Menyediakan pelan pemulihan terperinci untuk setiap fasa projek.
- Menanam semula pokok yang sesuai di Kawasan yang telah dibuka dan terdedah.



### KUALITI AIR

#### Peringkat Pembangunan & Operasi

- Tanah simpanan pembinaan/biomas, tangki minyak dan semua jenis simpanan bahan api hendaklah ditempatkan jauh dari sungai.
- Penyelenggaraan berkala dan penyingkiran tandas mudah alih ini hendaklah dijalankan.
- Memastikan semua pelepasan dari kawasan proses perlombongan harus dirawat dan dialirkan ke kolam lombong / kolam perangkap mendap dan tiada air buangan yang keluar dari tapak projek.
- Pengujian komposisi kimia bagi air buangan bebas dari mineral sulfat yang boleh menyumbang kepada pembentukan *acid mining drainage (AMD)*.
- Pemantauan kualiti air secara berkala.



### HIDROLOGI

#### Peringkat Pembangunan

- Melaksanakan Pelan LD-P2M2 yang dicadangkan dengan betul.
- Semasa kerja pembukaan tanah, pemetaan yang jelas bagi sungai dan anak sungai di lembangan adalah wajib untuk memastikan sungai yang sedia ada tidak terganggu.

#### Peringkat Operasi

- Jumlah pelepasan perlu dipantau dari semasa ke semasa.
- Pastikan penggalan bahan mineral tidak terlalu dalam atau tidak melebihi kedalaman permukaan air bawah tanah.



# RINGKASAN EKSEKUTIF

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (Jadual Kedua)

**Projek Melombong Bijih Timah ML 1/2019 di Atas**

*Lot 61034 Berkeluasan 55.14 Hektar di Kawasan Ban Ho, Mukim Bandi, Daerah Kemaman, Terengganu*

## LANGKAH KAWALAN

### PENGURUSAN LALU LINTAS

#### Peringkat Pembangunan & Operasi

- Gunakan laluan alternatif untuk mengelak kesesakan lalu lintas dan hadkan kelajuan kenderaan apabila berdekatan dengan kawasan perkampungan.
- Menyediakan papan tanda pembinaan yang betul di sepanjang jalan utama ke arah kawasan pembinaan.



### KESELAMATAN & KESIHATAN

#### Peringkat Pembangunan & Operasi

- Papan tanda keselamatan yang betul perlu disediakan di pintu masuk tapak pembinaan untuk memberi amaran kepada orang ramai.
- Menyediakan kemudahan yang baik berkaitan dengan kecemasan seperti pelan kecemasan, kit pertolongan cemas, alat pemadam api dan kemudahan telekomunikasi.
- Menyediakan sistem kebersihan dan pelupusan yang cekap untuk mencegah pembiakan haiwan perosak seperti tikus dan lain-lain.
- Pekerja hendaklah disediakan PPE yang sesuai.

#### Peringkat Pemulihan

- Penyaharaan dan penyingkiran bagi semua struktur, peralatan dan mesin yang digunakan semasa operasi perlombongan.



### SOSIO EKONOMI

#### Peringkat Pembangunan & Operasi

- Memaklumkan kepada komuniti berkenaan risiko dan kesan yang disebabkan oleh Projek yang dicadangkan, jika ada.
- Memaksimumkan penggunaan buruh tempatan seramai mungkin.
- Memaparkan papan tanda amaran bagi mengelak sebarang risiko kepada komuniti.



### BIOLOGI (FLORA & FAUNA)

#### Peringkat Pembangunan

- Pembukaan tanah dan penggalian harus dilakukan dengan cara yang betul untuk mengurangkan kesan terhadap fauna.
- Pembukaan tapak hendaklah terhad kepada kawasan yang dikhaskan untuk aktiviti perlombongan, kilang proses, dan kemudahan yang berkaitan sahaja (secara fasa).
- Menyediakan *Buffer Zone* untuk mana-mana badan air di kawasan Projek dan juga untuk hutan kekal yang dilindungi di sempadan tapak projek.
- Mengambil kira konflik manusia-hidupan liar.
- Memasang pagar di sempadan tapak projek.
- Menyediakan Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP) untuk memastikan langkah pemuliharaan hidupan liar dirancang dengan baik.

#### Peringkat Operasi

- Memasang pagar di sempadan tapak projek.
- Mengambil kira konflik manusia-hidupan liar.



## LANGKAH KAWALAN

### KUALITI UDARA

#### Peringkat Pembangunan & Operasi

- Semua tayar kenderaan mesti dibersihkan ketika hendak keluar dari tapak perlombongan bagi mengurangkan debu semasa kenderaan bergerak.
- Siraman air berkala untuk semua kawasan tapak dan jalan untuk memastikan jalan sentiasa basah ketika musim panas dan berangin.
- Penyelenggaraan bagi peralatan, mesin dan kenderaan berat bagi mengurangkan penghasilan asap.
- Larangan bagi pembakaran terbuka.



### BUNYI BISING

#### Peringkat Pembangunan & Operasi

- Bahan penyerap bunyi yang sesuai harus dipasang pada jentera yang menghasilkan tahap bunyi yang tinggi.
- Jentera mengeluarkan bunyi bising yang tinggi hendaklah dihimpunkan di dalam Kawasan tertutup untuk mengurangkan pencemaran bunyi.
- Waktu kerja untuk aktiviti yang menghasilkan bunyi bising yang tinggi akan dihadkan pada waktu siang sahaja (7.00 am hingga 7.00 pm).
- Kawasan perlombongan hendaklah dilengkapi dengan lanskap untuk membantu mengurangkan penghasilan bunyi dan pendedahan debu.



### PENGURUSAN SISA BUANGAN

#### Peringkat Pembangunan & Operasi

| Sisa Pembinaan dan Domestik   | Sisa Buangan Terjadual  |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Menyediakan tong sampah di tapak.</li><li>• Mengasingkan jenis sisa dan melaksanakan kempen kitar semula.</li><li>• Melepaskan bahan buangan secara langsung ke dalam saluran air dan pembakaran terbuka adalah dilarang.</li><li>• Dilupuskan di tapak pelupusan sampah atau tapak pelupusan yang diluluskan oleh perbandaran.</li></ul> | <p>Penyimpanan dan pengendalian buangan terjadual hendaklah dijalankan mengikut Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Sisa-sisa itu hendaklah disimpan dalam tong yang dilekatkan, dilabelkan dan diletakkan di dalam stor simpanan buangan.</li><li>• Stor harus berturap konkrit, dengan kapasiti mengandungi 110% daripada jumlah kontena terbesar.</li><li>• Tidak boleh ada pembukaan pada dinding <i>bund</i> yang boleh menyebabkan kebocoran dan tumpahan serta mengalir ke tanah.</li><li>• Buangan terjadual tidak boleh disimpan di tapak lebih daripada 180 hari atau melebihi 20 tan.</li></ul> |



#### Peringkat Pemulihan

- Semua sisa buangan hendaklah dibawa keluar dari tapak projek dan dilupuskan di tempat yang dibenarkan.